

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR – PAS]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN (NO. 45)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan pelan mencari bakat sukan di luar bandar dalam pelbagai bidang sukan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian mempunyai perancangan pelan pencarian bakat sukan dalam pelbagai bidang sukan melalui Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Ia melibatkan beberapa Kementerian iaitu Kementerian Belia dan Sukan (ISN/MSN), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) dan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) yang akan bekerjasama dalam melaksanakan Program Pengenalpastian dan Pembangunan Bakat akar umbi di seluruh negara termasuk kawasan luar bandar secara bersistematis dan tersusun.
2. Jalinan kerjasama ini akan memperluaskan tapak pencarian bakat dalam jangka masa pendek serta menggunakan kaedah saintifik dan teknologi. Ini sejajar dengan prinsip pendekatan NBOS yang menekankan "*low cost*", "*high impact*" dan "*rapid implementation*". Sejumlah 7,756 sekolah rendah (sumber: www.moe.gov.my) di seluruh negara terlibat termasuk sekolah di luar bandar yang akan menjalani pengujian pencarian bakat saringan yang melibatkan seramai 100,000 murid tahun 1 yang akan dilaksanakan pada tahun 2015.
3. Di samping itu, pihak Kementerian juga bekerjasama dengan KPM dan MOM dalam melaksanakan program-program mencari bakat melalui program-program seperti Program Saringan Bakat, Program Cari Juara, Program Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri

SULIT

(USPTN), Program Sekolah Sukan Negeri (SSN), Program Hoki
1Mas dan juga Program *Talent Spot*.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG
[KLUANG]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2014 (Rabu)

SOALAN

YB Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) Jumlah syarikat yang telah diberi lesen KA dan berapa buah permit yang telah dikeluarkan dari tahun 1998 hingga 2014 ; dan

- (b) Apakah polisi kerajaan dalam memastikan kelestarian (*sustainability*) industri pengangkutan kontena (*Haulage*).

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah syarikat yang telah diberikan lesen KA sehingga 31 Ogos 2014 adalah sebanyak 341 syarikat dan sejumlah 54,207 permit KA membabitkan 10,934 penggerak utama (*prime mover*) dan 43,273 treler telah dikeluarkan.
2. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memastikan kelestarian industri pengangkutan kontena adalah:
 - (i) Memantau pengeluaran lesen mengikut kapasiti pengendalian kontena (*port throughput*) di pelabuhan bagi mengelakkan lambakan perkhidmatan permit atau lesen bagi industri pengangkutan kontena;
 - (ii) Pengecualian cukai jualan bagi penggerak utama dan treler yang dibeli daripada pengeluar tempatan; dan
 - (iii) menubuhkan Kumpulan Kerja Logistik yang melibatkan wakil pelbagai agensi seperti Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Kementerian Pengangkutan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bagi meningkatkan standard operasi sistem pengangkutan negara dari aspek infrastruktur, polisi dan pengurusan dokumentasi.

3. Di samping itu, SPAD juga sentiasa mengadakan perbincangan bersama-sama pengendali dan persatuan industri pengangkutan kontena juga diadakan bagi menangani isu-isu atau perkara berbangkit berkenaan pengangkutan kontena.

Sekian, terima kasih.